

Demo KUIN terus jika MB tak tarik kenyataan
MalaysiaKini.com
February 16,2012
S Pathmawathy

Kumpulan mahasiswa tidak akan menarik balik kata dua yang diberikan kepada Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Razak supaya menarik balik kenyataannya yang didakwa menyokong Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Azizan minggu lalu dipanggil jawatankuasa pusat PAS untuk menjelaskan kenyataannya tentang AUKU dan Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta yang mencetuskan kemarahan dalam parti dan pemimpin Pakatan Rakyat.

"Kami masih menunggu respons daripada menteri besar... Kami dimaklumkan bahawa Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menghuraikan perbincangan itu sebagai positif," kata Presiden Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) Ahmad Syukri Ab Razab (atas) kepada Malaysiakini semalam.

Sebelum ini, beberapa pertubuhan pelajar memberi amaran akan mengadakan protes di hadapan Wisma Darul Aman pada 19 Februari ini jika keputusan tidak mesyuarat PAS tidak memihak kepada mereka.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/189320>